



Headline: Jenayah komersial rekod kerugian cecah Language: Malay
RM5.8b
Publication/Portal: Berita harian Section: Nasional
Date: 8 November 2019 Page: 52

Jenayah komersial rekod kerugian cecah RM5.8b

PDRM perlu perkasa kemahiran hadapi cabaran sindiket penipuan siber

Oleh Fazrik Kamarudin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 21,862 kes jenayah komersial direkodkan di seluruh negara membabitkan nilai kerugian mencecah RM5.8 billion bagi tempoh Januari hingga Oktober lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, memaklumkan jumlah itu meningkat sebanyak 20,913 kes atau 4.3 peratus berbanding tempoh sama, tahun lalu.

"Daripada jumlah keseluruhan, 47.2 peratus membabitkan kes pinjaman tidak wujud, e-belian, 'Macau Scam' dan 'African Scam' yang menggunakan internet sebagai medium mencari mangsa.

"Justeru, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melihat wujud keperluan menyebar ilmu pengetahuan kepada masyarakat supaya mereka terhindar daripada men-



Abdul Hamid diiringi Abdul Rahim (kiri) melawat pameran pada Perasmian Penutupan Persidangan Kebangsaan Jenayah Komersial: Ancaman dan Pendekatan Teknologi Siber 2010 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

jadi mangsa sindiket penipuan jenayah siber," katanya.

Abdul Hamid berkata demikian pada Majlis Perasmian Penutupan Persidangan Kebangsaan Jenayah Komersial: Ancaman dan Pendekatan Teknologi Siber 2010 di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya (UM), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor; Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK)

Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Zakaria Ahmad dan Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk Ir Dr Abdul Rahim Hashim.

Abdul Hamid berkata, penganjuran persidangan adalah bertenpat untuk dijadikan sebagai pendekatan terbaik memahami trend strategi dalam menangani ancaman jenayah siber.

"Arus deras modenisasi menyumbang kepada kepelbagaian trend jenayah siber masa kini yang menuntut PDRM berfikir di

luar jangkaan bagi mendepani cabaran 'dunia baharu' ini.

"Dengan adanya persidangan ini, PDRM boleh mendedahkan kepada masyarakat sisi gelap alam maya selain memperkaskan kemahiran pegawai polis khususnya bagi mengendalikan kes jenayah siber," katanya.

Persidangan dua hari itu membabitkan 380 peserta terdiri daripada pegawai kanan polis, ahli akademik, pakar industri dan orang awam.